

Tidak bantu pulih hubungan: PM Surat Keating

Oleh Othman Mamat dan Mohd Shah Abdullah

3/14 DEC 1993

LANGKAWI, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata surat yang dihantar oleh Perdana Menteri Australia, Paul Keating kepadanya tidak membantu mengurangkan kekeruhan perhubungan di antara Malaysia-Australia.

Menurut Perdana Menteri, walaupun Keating menyatakan surat yang dihantarnya bertujuan berdamai dan bukan meminta maaf tetapi susunan ayat serta perkataan yang digunakan tidak menggambarkan keadaan itu.

"Susah bagi saya mentafsirkan surat ini. Kataanya (Keating) surat ini *conciliatory* (berdamai) dan bukan *apology* (minta maaf). Walaupun dia kata dia nak *conciliatory* tetapi susunan ayat dan perkaataannya tidak menggambarkankannya.

"Ia hanya menerangkan kenapa dia membuat kenyataan di Seattle... itu saja.. dan kenapa dia berasa tidak senang hati dengan saya.

"Saya tidak faham apa perlunya hantar surat yang tidak menolong mengurangkan kekeruhan perhubungan di antara Australia dan Malaysia. Saya tidak salahkan rakyat Australia tetapi saya tidak faham kenapa Apec perlu menjadi terlalu besar," katanya kepada Radio Televisyen Malaysia (RTM) di sini, petang ini.

Dr Mahathir diminta mengulas surat Keating yang menyatakan beliau (Keating) tidak pernah berniat menimbulkan kemarahan Perdana Menteri apabila menggambarkanannya sebagai 'keras kepala.'

Keating menghantar surat itu bagi menyelesaikan salah faham kedua-dua negara, berikutan kenyataannya berhubung keenggan Dr Mahathir menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Seattle, baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata, sebelum ini beliau berusaha mengelakkan daripada membuat sebarang ulasan kepada soalan yang ditujukan kepadanya berhubung peristiwa itu.

"Tetapi oleh kerana saya tidak menjawab, ada

pihak mentafsirkan saya sebagai bersetuju dengan beberapa menteri yang mengkritik Australia," katanya.

Beliau juga dukacita dengan Kementerian Luar Australia yang menafikan menerima sebarang bantahan dari Malaysia sedangkan Wisma Putra ada membuat bantahan.

"Dalam kenyataan itu (surat Keating) seolah-olah dia menafikan ada protes daripada pihak kita. Ini tidak sepatutnya berlaku kerana ini tidak benar. Kementerian Luar kita ada membuat bantahan terhadap perkara ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, Apec boleh menjadi besar dari segi kerjasama yang wujud seperti mengadakan urusetia rasmi tetapi bukannya dari segi bilangan ahlinya menjadi blok perdagangan.

"Saya bersetuju lebih banyak menyertai Apec lebih baik kerana ia adalah satu organisasi untuk negara Pasifik dan semua negara Pasifik patut menjadi ahlinya. Itu pendirian saya tetapi tidak menjadi satu blok perdagangan.

"Kalau dijadikan blok perdagangan dengan keanggotaan Amerika, Jepun dan sebagainya, maka dia akan menjadi organisasi yang cukup *massive* (besar) dan cukup kuat. Itu yang saya tidak bersetuju.

"Tetapi nampaknya Australia marah kerana kita sokong Chile. Kononnya dengan sokongan terhadap Chile itu menjadikan Apec itu *massive*. Chile adalah sebuah negara kecil saja. Kita berpendapat (jika) ada pihak yang patut marah terhadap kenyataan saya, pihak itu ialah Amerika dan presidennya.

"Usaha Amerika untuk memperalatkan Apec, saya kritik dan saya tak hadir walaupun dijemput oleh Presiden Clinton. Kalau ada orang yang patut marah ialah Presiden Amerika tetapi Clinton tidak marah walaupun dia mungkin berasa tidak senang hati tetapi tidaklah membuat kenyataan yang merupakan *offensive* kepada rakyat Malaysia. Kenapa Australia yang *react*

LIHAT MUKA 2

hambbar